

Datuk Musa gesa sektor swasta Kemungkinan cadangan baiki ekonomi

PULAU PINANG, Sabtu

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, menggesa sektor swasta di negara ini mengemukakan syor-nor dan cadangan mereka yang positif kepada Kerajaan menerusi siri Dialog Belanjawan Negara yang berlangsung sekarang setiap tahun.

Datuk Musa berkata, sektor swasta dalam berbagai bidang boleh mengemukakan idea-idea yang positif menerusi dialog itu dalam mengatasi masalah ekonomi.

Tegaanya, jika terdapat idea-idea yang baik, ia akan dikemukakan kepada pucuk pimpinan negara untuk dilaksanakan. Datuk Musa ketika mengesakan demikian ketika berucap merasmikan pembukaan kilang Audio Elektronik Sdn Bhd di Bayan Lepas di sini petang semalam.

Siri dialog Belanjawan Negara telah bermula sejak tujuh tahun lalu dan bagi Belan-

jawan tahun depan, dialognya telah diadakan sejak Isnin lalu dengan berpuh badan swasta, termasuk universiti-universiti dalam negeri, kesatuan sekerja, persatuan pengguna dan lain-lain, mengemukakan berbagai syor kepada Kerajaan.

Datuk Musa berkata Kerajaan mengamalkan dasar "pintu terbuka kepada sektor swasta" untuk memberi pendapat-pendapat dan idea mereka.

Di samping itu juga, tambahanya, Kerajaan sedia menerima kritik-kritik yang membina untuk tujuan itu.

Timbalan Perdana Menteri berharap sektor swasta akan memberi kerjasama positif mereka menerusi dialog itu.

Datuk Musa sebelum itu memberitahu

Kerajaan akan mengkaji semula dasar pelaburan luar negeri dari semua aspek.

Katanya, ini bertujuan menarik lebih banyak lagi pelaburan dari luar negeri ke negara ini.

Bellau berkata, dasar pelaburan luar negeri sekarang telah dicontohi oleh negara-negara lain.

Memandangkan keadaan itu, katanya, Kerajaan perlu menyemak atau mengkaji semula dasar yang ada sekarang untuk mengadakan dasar pelaburan yang lebih menarik.

Mengenai kilang baru itu, Datuk Musa berkata, pembukaannya akan mendorongkan syarikat-syarikat lain berkembang maju.

"Saya yakin dengan pembukaan kilang ini masyarakat umum akan memahami bagaimana seriusnya Kerajaan dalam memberi kesempatan kepada rakyat meningkatkan taraf hidup mereka."

Terdabulu dari itu, Datuk Musa memuji Pengerusi Syarikat itu, Enck F.H. Sluiter, kerana menyampaikan ucapan belia yang agak panjang dalam Bahasa Malaysia.

Datuk Musa berjaya menarik perhatian hadirin apabila bellau bercakap dalam bahasa Belanda yang menyebut "Bahasa Malaysia mudah dipelajari daripada bahasa Belanda."

Kalangan orang-orang Belanda, termasuk para hadirin memberi tepukan gemuruh kepada Datuk Musa.

Enck Sluiter dalam ucapannya memuji konsep yang diamalkan oleh negara ini, terutama dalam bidang menarik pelabur-pelabur luar negeri.

Di samping itu bellau juga memberi sokongan kepada Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia